

Keinginan rakyat Sabah untuk merdeka melalui Malaysia dahulu muktamad – Dr. M

Tiada lagi pungutan suara

Oleh
Shahriman Shaharudin

KOTA BELUD 12 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata tidak akan ada lagi pungutan suara untuk menentukan kedudukan Sabah di dalam Malaysia kerana keinginan Sabah untuk Merdeka melalui Malaysia dahulu adalah muktamad.

"Kita telah buat pungutan suara dan rakyat Sabah telah tentukan untuk timbul dan tenggelam bersama dengan negeri Sarawak dan Semenanjung di dalam Malaysia.

"Ini telah kita buat dan putuskan. Jangan ingat akan ada lagi pungutan suara untuk menentukan kedudukan Sabah," tegas Perdana Menteri sewaktu berucap di majlis perjumpaan dengan rakyat Sabah dan perasmian perletakan batu peringatan kemenangan pertama UMNO dalam pilihanraya di Sabah di sini hari ini.

Beliau memberi amaran kepada pihak yang menimbulkan perkara itu supaya jangan mengulanginya atau menghadapi tindakan.

"Perlu diingat cadangan itu adalah bertentangan dengan undang-undang negara kita dan sesiapa yang membuat pilihan semacam itu akan dianggap memecah undang-undang," beliau memberi amaran.

Perdana Menteri berkata, "jangan ada pihak yang marah, kalau kita mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka."

Beliau, sekali lagi mengulangi pungutan suara hanya sekali dan selepas itu mengikut perlembagaan, sebarang usaha untuk keluar daripada Persekutuan tidak dibenarkan.

"Dalam sidang akhbar kemudiannya Perdana Menteri mengingatkan adalah salah bagi sesiapa melanggar semangat Perlembagaan Malaysia dan juga undang-undang Malaysia.

"Dalam soal semangat perlembagaan dan undang-undang, kita tidak mahu jadi cerita politik, sekejap masuk sekejap keluar dan bila nampak peluang sikat, masuk atau keluar balik".

"Dalam soal negara, apabila sudah duduk di dalam, kita tidak boleh keluar lagi kerana kita sudah pilih dan buat keputusan," ujar Dato' Sri Dr. Mahathir lagi.

Dato' Sri Dr. Mahathir lalu mengingatkan jika tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang menimbulkan soal ini, jangan kata tindakan itu kerana mereka anggota parti itu atau parti ini atau kerana kita dari suku kaum itu atau suku kaum ini.

"Sesiapa saja yang melanggar undang-undang maka ia akan di kenakan tindakan tidak peduli dia siapa," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berkata, undang-undang tidak memilih sesiapa sama ada anggota kerajaan ataupun bukan. Undang-undang tidak pilih kasih. Tiada siapa yang boleh berasa tersinggung kalau tindakan mereka itu salah dan diambil tindakan.

Cadangan supaya satu pungutan suara dibuat untuk menentukan kedudukan Sabah di dalam Malaysia telah ditimbulkan oleh pemimpin PBS, Datuk Monggoh Orow yang juga Ahli Parlimen Tuaran dalam kongres PBS baru-baru ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah lagi, cadangan yang ditimbulkan itu adalah bertentangan dengan Perlembagaan.

"Kita telah bentuk Malaysia melalui pungutan suara dan kita tidak boleh mengadakan pungutan suara selalu. Kalau selalu diadakan pungutan suara untuk masuk dan nak keluar, maka negara tidak akan menjadi aman dan stabil," tegas beliau dengan nada keras.

Mengenai keadaan yang wujud di Sabah sekarang ini, Perdana Menteri berkata, pada peringkat ini ia tidaklah membahayakan namun katanya, jika dibiarkan api yang kecil ini akan menjadi lawan apabila besar.